

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI
HAMZAH [KUBANG PASU]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021

SOALAN

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan dan strategi Kerajaan dalam memartabatkan Malaysia sebagai pemain utama ekonomi Islam global dan tidak hanya terhad kepada kewangan Islam sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pasaran ekonomi Islam global merupakan antara penyumbang besar dalam pertumbuhan ekonomi dan peningkatan taraf hidup sosioekonomi masyarakat dunia. Ia bukan sahaja merangkumi bidang kewangan Islam malah meliputi perindustrian halal seperti penghasilan produk makanan & minuman, produk farmaseutikal serta produk-produk kosmetik & penjagaan diri. Dengan peningkatan jumlah penduduk Muslim dunia, saiz pasaran halal antarabangsa dijangka berkembang daripada USD2.4 trilion pada 2020 kepada USD7.7 trilion (RM32.2 trilion) menjelang tahun 2030. Seajar matlamat Kerajaan di bawah RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2020), industri halal dikenal pasti sebagai antara industri strategik dan aktiviti pertumbuhan ekonomi utama yang menyumbang kepada kemapanan pertumbuhan ekonomi negara.

SOALAN NO : 18

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pembangunan industri halal tempatan yang bersepadu dan komprehensif. Usaha telah ditumpukan kepada pembangunan standard dan pensijilan halal, penjenamaan dan promosi serta pengkomersialan produk dan perkhidmatan halal. Industri halal negara berkembang pada kadar purata 5.5% setahun dalam tempoh 2016 hingga 2019. Selain itu, nilai eksport halal telah meningkat, daripada RM39.4 bilion pada tahun 2016 kepada RM40.6 bilion pada tahun 2019. Jumlah pelaburan kumulatif di 22 taman industri halal sedia ada adalah sebanyak RM2.8 bilion sehingga tahun 2020, di mana 55% adalah merupakan pelaburan langsung asing.

Dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Islam global, Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030-HIMP*) memberi tumpuan terhadap keperluan dan potensi pembangunan industri halal dengan memfokuskan kepada sub-sektor terpilih yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, menggalakkan penyertaan aktif syarikat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta mempergiat pengkomersialan produk R&D dan inovasi halal. Pelaksanaan HIMP 2030 akan dapat mengukuhkan ekosistem industri halal tempatan yang seterusnya meningkatkan perdagangan dan pelaburan negara, mencipta peluang pekerjaan dan mengukuhkan integriti rantai bekalan halal.

43 inisiatif telah dikenalpasti yang merangkumi dasar dan kerangka kawal selia mesra industri Halal, meneroka pasaran eksport baru, mewujudkan kumpulan pakar industri Halal, meningkatkan kualiti infrastruktur di taman industri halal serta mengenalpasti *Halal Champions* iaitu syarikat-syarikat peneraju dalam segmen produk masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memperkasakan perdagangan, perniagaan dan ekonomi digital, usaha dipergiat bagi meningkatkan akses kepada kewangan Islam untuk memenuhi keperluan sektor ekonomi serta menggalakkan pertumbuhan sektor strategik negara seperti industri halal. Bank-bank Islam telah menjalin perkongsian strategik dengan HDC untuk meningkatkan akses

SOALAN NO : 18

kepada pembiayaan dan perlindungan takaful serta melancarkan program khidmat nasihat perniagaan dan pepadanan perniagaan yang menghubungkan usahawan dengan bakal pembeli melalui e-pasaran (*e-marketplace*).

HDC melalui Halal Integrated Platform (HIP) telah merangka program pembiayaan khas dengan usahasama institusi kewangan untuk manfaat syarikat-syarikat yang berdaftar dengan HIP. Di antara program pembiayaan yang diperkenalkan termasuk *Go-Halal Financing Program* dengan penyediaan dana berjumlah RM100 juta melalui usahasama HDC dan Bank Islam Malaysia Berhad. Peserta yang berdaftar di bawah HIP boleh memohon *Go-Halal Financing* bagi membiayai aktiviti pemasaran produk, peningkatan keupayaan dan kapasiti serta penambahbaikan fasiliti perniagaan.

Bagi mengukuhkan ekonomi dan kewangan Islam di Malaysia dengan kerjasama entiti antarabangsa, pada bulan Mac tahun ini, Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IsDB) telah menubuhkan pusat kecemerlangan (*Centre of Excellence, CoE*) di Malaysia. Penubuhan CoE ini akan meningkatkan hubungan strategik Malaysia dengan negara anggota IsDB dalam bidang kerjasama seperti kewangan Islam dan industri halal, serta akan mengukuhkan potensi dan peranan Malaysia sebagai pemain utama ekonomi dan kewangan Islam global.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah disasarkan industri halal tempatan akan bertumbuh 4.4% secara purata tahunan bagi tempoh sehingga 2025. Pembangunan industri halal yang diterajui oleh MITI dan kementerian-kementerian lain yang berkaitan akan dapat terus memacu pertumbuhan industri ini serta mempertingkatkan akses syarikat-syarikat tempatan ke rantai serantau dan global dalam pasaran halal antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini rancangan pembinaan Jambatan Palekbang – Kota Bharu.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembinaan Jambatan Palekbang – Kota Bharu adalah dalam peringkat akhir rekabentuk terperinci. Mengikut perancangan, pelantikan Kontraktor adalah dijangka pada penghujung Februari 2022 dan pembinaan akan bermula pada Mac 2022.

Sekian, terima kasih.